

Pilih dan klik pada jawapan yang betul. (MCQ- select:yes select:no)



- 1 “Cikgu, _____ tidak dapat menghadiri latihan hoki pada petang ini kerana akan menziarahi nenek di hospital,” kata Nuraini dan adiknya.
A mereka
B saya
C dia
D kami

- 2 “Kalian _____ segera ke tempat kejadian,” kata pegawai polis itu kepada anak buahnya.
A pernah
B dapat
C patut
D baru

- 3 Iqbal berasa sungguh _____ apabila mendengar nama datuknya disebut dan dipuji oleh ketua kampung.
A mulia
B mesra
C megah
D tenteram

- 4 Hang Tuah berkata kepada pengawal istana, “Izinkan _____ masuk mengadap _____ untuk menyampaikan khabar gembira.”
A hamba ... tuan hamba
B hamba ... baginda
C patik ... baginda
D patik ... tuan hamba